

TENTANG KAMI

PANEL PENASIHAT SHARIAH

Sebagai sebuah Hospital Patuh Shariah yang mematuhi standard MS 1900-2014, Jabatan Pematuhan Shariah telah dibentuk. Jabatan ini terdiri daripada tiga orang Pegawai Pematuhan Shariah yang bertugas secara sepenuh masa di Hospital Pakar An-Nur dan dipantau oleh Majlis Penasihat Shariah yang terdiri daripada 5 orang pakar, Mereka ialah:

1. Ustazah Dr Anisah Abd Ghani
(Pakar Rujuk Bidang Fiqh Ibadah dan Fiqh Kepenggunaan)
2. Ustazah Dr Shamsiah Muhammad
(Pakar Rujuk Bidang Fiqh Perbankan dan Kewangan, Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia)
3. Ust. Burhanuddin Lukman
(Pakar Rujuk Bidang Syariah dan Kewangan, Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia)
4. Prof Dr Abd Rashid Abd Rahman
(Pakar Rujuk Bidang Perubatan dan Farmakologi, Pengarah Perubatan HPAN)
5. Prof. Dr Amir Husin Mohd Nor
(Pakar Rujuk Bidang Syariah dan Undang-Undang, USIM)

PEGAWAI PEMATUHAN SHARIAH



USTAZAH ASMA' AMATULLAH BINTI HASANUDDIN
EKSEKUTIF PEMATUHAN SHARIAH



MUHAMMAD HAZWAN BIN BADERUN
EKSEKUTIF PEMATUHAN SHARIAH



USTAZAH SAMIRAH BINTI WAZALI
EKSEKUTIF PEMATUHAN SHARIAH

HUBUNGI KAMI



FIND US



CALL US



FAX US

AN-NUR SPECIALIST HOSPITAL
Jalan Gerbang Wawasan 1, Seksyen 15,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

03-8923 5500

03-8923 5690



MAIL US



VISIT US

customerservice@annur.migh.com.my

annurspecialisthospital.migh.com.my

FB : annurspecialisthospital

IG : annurspecialisthospital

PANDUAN PENGAMBILAN UBAT DAN BULAN

Ramadan



686929-H
**HOSPITAL PAKAR
AN-NUR**
SPECIALIST HOSPITAL
(A MEMBER OF MEDIC IQ HOLDINGS SDN BHD)



CARA PENGAMBILAN UBAT DALAM BULAN RAMADAN

"(Puasa yang diwajibkan itu ialah beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahuinya.

[Surah Al-Baqarah]

Berikut, kami sertakan cadangan kaedah pengambilan ubat ketika berpuasa sebagai panduan pesakit kami. Moga diberi kesembuhan.

KEKERAPAN	MASA PENGAMBILAN	
	Sebelum Makan	Selepas Makan
1 kali sehari	✓ Sebelum bersahur ✓ Selepas bersahur	✓ Selepas berbuka
2 kali sehari	✓ Sebelum bersahur ✓ Selepas berbuka ✓ Selepas berbuka sebelum mengambil menu utama	✓ Selepas bersahur ✓ Selepas berbuka
3 kali sehari	✓ Sebelum bersahur ✓ Selepas berbuka ✓ Selepas berbuka sebelum mengambil menu utama ✓ Sebelum tidur	✓ Selepas bersahur ✓ Selepas berbuka ✓ Sebelum tidur

*Sila rujuk doktor anda sekiranya ada sebarang kemasukan.

KETAHUI APA YANG MEMBATALKAN PUASA ANDA?

Keluasan ilmu fiqh telah membuka ruang kepada pelbagai pendapat dan interpretasi tentang dalil hukum. Secara umumnya, berikut adalah perkara-perkara yang membatalkan puasa:

1. Makan dan minum dengan sengaja
2. Muntah dengan sengaja.
3. Bersetubuh di siang hari.
4. Keluar mani dengan sengaja.
5. Keluar darah haid atau nifas walaupun sedikit.
6. Gila atau hilang akal walaupun seketika sahaja (satu lahzah).
7. Pitam atau koma (tidak sedarkan diri) sepanjang hari bermula dari terbit fajar (waktu subuh) sehingga terbenam matahari (waktu maghrib).
8. Memasukkan sesuatu ke dalam rongga badan.

BATALKAH PUASA ANDA APABILA...

Jenis Rawatan / Ubat	JAKIM		Pendapat Majoriti Ulamak Kontemporari	
	Batal	Tidak Batal	Batal	Tidak Batal
Pil	✓		✓	
Minum	✓		✓	
Krim/Losyen		✓		✓
Titis Mata		✓		✓
Titis Hidung	✓			✓
Titis Telinga		✓		✓
Kumur		✓		✓
Suntikan (Nutrien / supplement)	✓		✓	
Suntikan (Ubatan)		✓		✓
Ubat Bawah Lidah (ie : GTN)		✓		✓
Masukkan ke Vagina / Rektum	✓			✓
Inhaler (serbuk atau cecair)	✓			✓
Nebulizer	✓			✓

*Pesakit adalah bebas untuk memilih antara 2 pendapat di atas
myhealth.gov.my/puasa-dan-ubat

ISU TAMBAHAN

PENGSAN

Tidak membatalkan selagi mana tidak melebihi separuh tempoh hari berpuasa dengan syarat pesakit telah berniat puasa sebelumnya.

ENDOSCOPY

Tidak membatalkan, kerana peralatan yang dimasukkan tidak kekal di dalam dan dikeluarkan semula

DIABETES DAN RAMADAN

Pesakit Diabetes yang ingin berpuasa dinasihatkan untuk membuat persediaan dengan berjuma dengan doktor masing-masing selewat-lewatnya sebulan atau dua bulan sebelum datangnya Ramadhan. Ini dapat memberikan masa yang mencukupi untuk kita merancang strategi pemakanan dan pengambilan ubat semasa pesakit berpuasa. Pesakit juga mesti diberikan penerangan tentang tanda-tanda komplikasi yang boleh berlaku dan cara menguruskannya dengan baik. Pengurusan Diabetes yang caca-merba atau semberono boleh menjelaskan kesihatan dan pesakit berisiko untuk mengalami pelbagai komplikasi/penyakit seperti hypoglycaemia, hyperglycemia, Diabetic Ketoacidosis, dehidrasi dan thrombosis.

KATEGORI PESAKIT: NASIHAT & CADANGAN PENGAMBILAN UBAT DAN INSULIN

01

PESAKIT DIABETES –DIET CONTROL

Risiko rendah untuk menghadapi komplikasi semasa berpuasa. Risiko untuk kadar gula naik selepas makan. Dinasihatkan supaya membahagikan makanan kepada jumlah/portion yang lebih kecil dan lebih kerap dalam tempoh berbuka.

02

PESAKIT DIABETES YANG MENGAMBIL METFORMIN

Secara umum berpuasa adalah selamat. Sekiranya pengambilan ubat satu hari sekali, boleh diambil selepas berbuka. Pesakit yang mengambil ubat ini 2 kali sehari/3 kali sehari mungkin perlu mengubah-suai dos yang diambil mengikut nasihat doktor.

03

PESAKIT YANG MENGAMBIL UBAT SELAIN DARIPADA YANG DI ATAS/KOMBINASI (BUKAN INSULIN)

Kini terdapat pelbagai jenis ubat Diabetes yang selamat dimakan ketika berpuasa, tidak menyebabkan hypoglycaemia dan tidak memerlukan ubah-suai dos atau waktu yang berbeza ketika berpuasa. Walau bagaimanapun, masih terdapat jenis-jenis ubat Diabetes yang boleh menyebabkan hypoglycaemia dan pengurusannya ketika berpuasa sangat bergantung kepada individu atas nasihat doktor.

04

PESAKIT YANG MENGAMBIL INSULIN

Secara umumnya, insulin basal yang diambil hanya sekali sehari boleh diambil pada waktu biasa sebelum tidur atau selepas berbuka puasa. Dos mungkin perlu berkurangan sekiranya ada risiko hypoglycaemia berdasarkan nasihat doctor. Premixed insulin sekali sehari diambil sebelum iftar, premixed insulin 2 kali sehari mungkin memerlukan dos yang berbeza di sepanjang tempoh berpuasa, biasanya ambil dos pagi untuk iftar, dan dos makan malam ketika bersahur, dos sahur mungkin perlu dikurangkan bergantung keadaan individu dan nasihat doktor.

Bolus/prandial insulin yang biasa diambil 3 kali sehari diambil ketika sahur (dos sarapan/ mungkin perlu dikurangkan), dan diambil sekali lagi pada waktu iftar (dos makan malam, mungkin perlu dinaikkan).